



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 1 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 1 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **15,891 kes** (2,070,715 kes kumulatif, 91.7%);
- Kes baharu : **11,889 kes** (2,257,584 kes kumulatif);
- Kes import : **14 kes** (6 warganegara; 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **11,875 kes** [11,000 warganegara (92.6%); 875 bukan warganegara (7.4%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **904 kes** (850 kes COVID-19; 54 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **492 kes** (380 kes COVID-19; 112 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,491 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **14 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,423 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,068 kluster**.

Daripada **11,889 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini,

- **179 kes (1.5 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **11,710 kes (98.5 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kluster-kluster baharu, dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Data kematian dan data-data lain bagi situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman GitHub dan laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>.

## **KEPERLUAN VAKSINASI LENGKAP UNTUK AKTIVITI SEKTOR SOSIAL DAN EKONOMI BAGI SEMUA FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

Seperti yang dimaklumkan oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia, Mesyuarat Jemaah Menteri pada hari ini telah bersetuju agar **setiap kemudahan yang diumumkan sebelum ini dilaksanakan dengan syarat vaksinasi lengkap kekal bagi SEMUA fasa pelan pemulihan negara**. Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, mereka perlu mengemukakan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan.

Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira aspek keselamatan rakyat di samping melancarkan pembukaan semula ekonomi dan sosial serta memulakan proses peralihan ke fasa endemik dengan selamat. Peralihan fasa ini perlu dilaksanakan dengan pendekatan keseluruhan negara, atau *whole-of-nation approach* yang melibatkan seluruh jentera dan agensi kerajaan, industri serta masyarakat dalam satu misi tunggal untuk merealisasikan hasrat ini.

Justeru, semua rakyat Malaysia diingatkan untuk bersama-sama memainkan peranan dalam usaha membawa negara keluar daripada pandemik ini dengan mengamalkan perkara-perkara berikut;

- i. **Daftarkan diri anda dan keluarga bagi mendapatkan vaksinasi.** Vaksinasi lengkap adalah antara langkah utama yang perlu dicapai bagi seluruh penduduk Malaysia agar kita dapat bersama-sama mengurangkan risiko penularan dan jangkitan COVID-19 serta risiko komplikasi serius/kematian akibat COVID-19.
- ii. **Kepatuhan yang tinggi** terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan;
- iii. **Pemeriksaan individu, keluarga, dan masyarakat** dalam mengambil tanggungjawab membawa negara keluar daripada pandemik ini; dan
- iv. **Memperkukuhkan tindakan kesihatan awam sendiri.** Jalani ujian saringan sendiri COVID-19 sekiranya bergejala. Sekiranya disahkan positif, lakukan tindakan yang bertanggungjawab dengan mengasingkan diri;

Kita adalah barisan hadapan untuk melindungi keluarga dan komuniti daripada jangkitan virus COVID-19. Seperti yang disebut YB Menteri Kesihatan, **kita tidak selamat sehingga semua selamat.**

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

1 Oktober 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 1 OKTOBER 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>PURATA KES 7 HARI*</b>	<b>KADAR INSIDEN **</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU ( )***</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SARAWAK</b>	2,638	89.55	2,413 (1)	212,037
<b>SELANGOR</b>	1,537	22.55	1,568 (3)	679,230
<b>JOHOR</b>	1,297	32.59	1,217	197,062
<b>KELANTAN</b>	1,086	54.33	858	116,166
<b>SABAH</b>	934	22.71	872	198,845
<b>PERAK</b>	894	50.39	959	103,188
<b>PULAU PINANG</b>	869	47.60	779 (1)	130,988
<b>KEDAH</b>	753	32.77	710	135,545
<b>PAHANG</b>	712	27.05	831 (4)	65,548
<b>TERENGGANU</b>	670	50.83	699	56,344
<b>MELAKA</b>	324	33.25	378	58,723
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	258	13.39	289 (5)	186,349
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	150	12.80	197	97,441
<b>PERLIS</b>	60	22.60	81	3,973
<b>WP PUTRAJAYA</b>	26	26.81	36	6,180
<b>WP LABUAN</b>	3	2.74	2	9,965
<b>MALAYSIA</b>	<b>12,210</b>	<b>35.66</b>	<b>11,889 (14)</b>	<b>2,257,584</b>

\*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

\*\*Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

\*\*\*Kes import

## LAMPIRAN 2

Perincian 11,889 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 1 Oktober 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SARAWAK	2,413	49	1,121	1	1,242
SELANGOR	1,568	68	917	3	580
JOHOR	1,217	149	559	-	509
PERAK	959	126	407	-	426
SABAH	872	12	469	-	391
KELANTAN	858	19	562	-	277
PAHANG	831	335	342	4	150
PULAU PINANG	779	9	275	1	494
KEDAH	710	24	401	-	285
TERENGGANU	699	-	524	-	175
MELAKA	378	34	199	-	145
WP KUALA LUMPUR	289	7	122	5	155
NEGERI SEMBILAN	197	36	102	-	59
PERLIS	81	-	16	-	65
WP PUTRAJAYA	36	-	22	-	14
WP LABUAN	2	-	-	-	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>11,889</b>	<b>868</b>	<b>6,038</b>	<b>14</b>	<b>4,969</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara



**LAMPIRAN 3****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 1 OKTOBER 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Industri Jalan Ros	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	73	517
2	Tapak Bina Jalan Seruling 59	Tempat Kerja	Selangor	Klang	20	74
3	Industri Dua Jalan Haji Manan	Tempat Kerja	Selangor	Klang	12	380
4	Perindustrian Jalan Rusa	Tempat Kerja	Johor	Kota Tinggi	20	61
5	Industri Wawasan 19	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	12	57
6	Dah Teluk Nibung	Tempat Kerja	Kedah	Langkawi	32	239
7	Lebuh Bercham Timur	Tempat Kerja	Perak	Kinta	10	43
8	Batu Hampar	Komuniti	Johor	Segamat	36	160
9	Jalan Sengkang Pagoh	Komuniti	Johor	Muar	6	69
10	Kampung Pasir Kelang	Komuniti	Kelantan	Kuala Krai	30	44
11	Kampung Gaung Tendong	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	9	10
12	Giam	Komuniti	Sarawak	Kuching	150	177
13	Batu 8 Jalan Kubong	Komuniti	Sarawak	Limbang	22	229
14	Permatang Manik Intan	Keagamaan	Perak	Hilir Perak	29	37

**NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 30 SEPTEMBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.02
<b>PAHANG</b>	0.99
<b>PERLIS</b>	0.99
<b>MELAKA</b>	0.98
<b>KELANTAN</b>	0.97
<b>TERENGGANU</b>	0.96
<b>PERAK</b>	0.94
<b>SARAWAK</b>	0.92
<b>JOHOR</b>	0.91
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0.89
<b>KEDAH</b>	0.87
<b>SELANGOR</b>	0.86
<b>PULAU PINANG</b>	0.84
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	0.84
<b>SABAH</b>	0.83
<b>WP LABUAN</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.90</b>